

# GOLONGAN HIDUP DALAM KERUGIAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدَىٰ وَمَنْ يُضِلِّ فَآوَلْتَبِكُمْ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

(Surah Al-A'raaf, ayat 178)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sentiasalah bertakwa kepada Allah SWT, dalam erti kata bersungguh-sungguh melaksanakan segala perkara yang disuruh-Nya dan menjauhi perkara yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi orang yang bertakwa yang akan beroleh petunjuk dari Allah SWT untuk membezakan yang benar dengan yang salah sekali gus beroleh keampunan daripada-Nya. Ini sejajar dengan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ سَجَعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ

الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." (S. Al-Anfal: 29).

## JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Salah satu ciri Muslim yang bertaqwa ialah segera bertaubat dengan sesungguhnya hati kepada Allah SWT setelah menyedari dan menyesali akan keterlanjurannya melakukan kesalahan dan dosa. Ia diiringi dengan tekad yang sungguh-sungguh untuk tidak mengulangi lagi perbuatan-perbuatan yang boleh membawa kepada dosa dan mengundang kemurkaan Allah SWT. Hal ini dijelaskan oleh SWT menerusi firman-Nya:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ اللَّهُ إِلَّا اللَّهُ

وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٤﴾

Yang bermaksud: “Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salah dan akibatnya).” (S. Ali-Imran: 135).

Sungguhpun demikian, ramai manusia masih berterusan melakukan kesalahan dan dosa sama ada terhadap Allah SWT mahupun terhadap sesama manusia dan makhluk lainnya. Mereka merasa seolah-olah tidak bersalah mengingkari perintah dan larangan Allah SWT, melakukan kerosakan, mengeruhkan suasana aman dan lain-lain lagi yang boleh membawa mudarat kepada diri sendiri dan juga orang lain.

Dan, manusia yang bersifat seumpamanya diibaratkan sebagai binatang ternak serta digolongkan sebagai orang yang lalai. Ia disebabkan oleh sikap mereka yang enggan atau tidak mahu memahami ayat-ayat Allah, tidak mahu melihat bukti keesaan Allah dan tidak mahu mendengar ajaran serta nasihat yang terkandung di dalam al-Quran.

Sebagai akibat kelalaian mereka daripada menghargai dan mensyukuri kurniaan Allah SWT seperti hati dan akal, pancaindera mata dan telinga, maka pada hari akhirat kelak mereka akan mengisi neraka jahanam. Hal ini diperingatkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ هُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ  
ءَاذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Yang bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai.” (S. Al-A'raaf: 179).

#### **HADIRIN JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,**

Dengan berpandukan kepada mafhum ayat yang baru dibacakan itu, adalah jelas bahawa orang yang enggan memahami ayat-ayat Allah SWT, tidak mahu melihat bukti keesaan Allah SWT dan tidak mahu mendengar ajaran serta nasihat yang terkandung di dalam al-Quran adalah orang yang rugi. Mereka bukan sahaja rugi di dunia, bahkan lebih rugi dan malang lagi di akhirat kerana akan dibalas dengan azab neraka.

Namun selain mereka, terdapat beberapa golongan manusia lagi yang hidup dalam kerugian. Perihal ini didedahkan dan dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran, sebagaimana berikut:

Pertama, orang yang menganuti atau mencari agama selain daripada Islam. Ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Yang bermaksud: “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.” (S. Ali-Imraan: 85).

Kedua, orang yang berlaku syirik atau mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu. Yakni mempercayai adanya kuasa selain Allah SWT yang boleh memberi manfaat dan mudarat kepada manusia. Mereka tergolong sebagai orang yang rugi kerana segala amal baik yang dilakukan akan lupus sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT:

وَلَقَدْ أَوْحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِن أَشْرَكَتَ لِيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾

Yang bermaksud: “Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: Demi sesungguhnya! Jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang yang rugi.” (S. Az-Zumar: 65).

Ketiga, orang yang mengikut atau tunduk kepada desakan hawa nafsunya sehingga tergamak dan sanggup melakukan sesuatu yang bercanggah dengan ajaran agama. Ini sebagaimana kisah pembunuhan Habil oleh saudaranya, Qabil yang terakam di dalam al-Quran:

فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: “Maka nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga dia tergamak) membunuh saudaranya, lalu dia membunuhnya, oleh itu menjadilah dia dari golongan orang yang rugi.” (S. Al-Maidah: 30).

Keempat, orang yang percaya kepada perkara yang salah dan tidak percaya kepada Allah SWT. Dengan kata lain, mereka mendustakan al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Kerananya, mereka tergolong sebagai orang yang rugi sejajar dengan firman Allah SWT:

قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ شَهِيدًا ۖ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْبَاطِلِ  
وَكَفَرُوا بِاللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٥٢﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): Cukuplah Allah menjadi saksi (yang mengetahui perkara yang berbangkit) antaraku dengan kamu; Dia mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi. Dan mereka yang percaya kepada perkara yang salah dan tidak percaya kepada Allah, mereka itulah orang yang rugi.” (S. Al-Ankabut: 52).

Kelima, orang yang lalai melaksanakan perintah Allah SWT disebabkan terlalu sibuk mengurus harta benda dan anak-pinaknya. Allah SWT menegaskan hal ini dalam firman-Nya:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ ۗ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ  
الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta-benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang yang rugi.” (S. Al-Munafiqun: 9).

#### **SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,**

Wujudnya golongan rugi yang mencuaikan agama, mensyirikkan Allah SWT, bertuhankan nafsu, mendustakan al-Quran dan sibuk menguruskan harta dan anak-anak berpunca daripada lemah dan tipisnya keimanan terhadap kehidupan hari akhirat. Mereka seolah-oleh tidak yakin adanya hari pembalasan lantas mengutamakan kehidupan dunia yang sementara.

Padahal, kehidupan dunia adalah umpama permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan sedangkan kehidupan hari akhirat itu adalah tempat yang lebih baik dan kekal abadi.

Sehubungan itu, menjadi kewajipan bagi kita semua mengelakkan diri dan keluarga kita daripada menjadi golongan yang rugi sama ada di dunia mahupun di akhirat dengan berusaha mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Caranya sudah tentulah dengan mengatur dan mencorakkan kehidupan di dunia ini menurut ajaran Islam yang sebenar dengan didasari sifat malu.

Ini penting kerana sifat malu sebahagian daripada iman sejajar dengan maksud sabda Rasulullah SAW: *“Malu dan iman itu adalah satu rumpun. Apabila terangkat (hilang atau tiada) salah satu (daripada kedua-duanya), maka hilang pula yang lain”* (HR Al-Hakim).

Jelas di sini, iman dan rasa malu mempunyai kaitan atau hubungan yang sangat erat. Maknanya, orang yang mengaku beriman mesti memiliki sifat malu. Apabila berkurang atau tiada rasa malu, maka itu tanda kelemahan atau ketiadaan iman.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Sifat malu merujuk kepada perasaan takut dan segan melakukan perkara-perkara yang berupa kesalahan dan dosa yang boleh menjatuhkan imej serta maruahnya di sisi Allah SWT dan juga manusia lainnya. Ia lahir daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawal atau mengawasi setiap perlakuan hamba-hamba-Nya. Sebarang dosa yang walau sekecil mana pun pasti dicatat oleh malaikat yang ditugaskan khusus oleh Allah SWT untuk dibalas kemudian pada hari akhirat nanti.

Sesungguhnya, keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat adalah sebesar-besar nikmat kepada seseorang individu Muslim. Maka, sementara sakratul maut dan masa ajal belum lagi tiba, sama-samalah kita memperteguhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan beramal soleh selain terus membudayakan amalan tegur menegur, nasihat menasihati dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan sabar. Semoga dengan amalan ini yang didahului dengan niat yang betul dapat mengelakkan kita daripada tergolong orang yang rugi.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالْحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya: *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar.”* (S. al-Asr: 1-3).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah